

300 PEMANCING SERANG KOLAM UPM



Pemenang-pemenang pertandingan bersama hadiah serta hasil tangkapan masing-masing

Hujan lebat diawal pagi tidak menghalang semangat pemancing untuk sama-sama memeriahkan pertandingan memancing Juara Joran 2001 di Kolam Bukit Ekspo UPM, Serdang. Sebanyak 300 peserta bertanding dalam pertandingan yang berkonsepkan 20 spesies ini. 15 spesies ikan berjaya ditewaskan manakala lima yang lain tidak berjaya dinaikkan termasuklah siakap, tapah, tilapia merah, bujuk dan kaloi.

Mohd Zulshukri Hassan muncul juara Kategori Ikan Jelawat dengan berat ikan 2.910 kg sekaligus layak membawa pulang wang tunai RM500 serta hadiah iringan sumbangan UPM.

Pemenang lain ialah Ahmad Rizuan A. Aziz (tongsan 4.885 kg), Ahmad Tajuddin Salleh (kap

rumput 6.675 kg), Abdulrah Mustafa (pacu 3.350 kg), Shaiful Amri Mohd Sarip (belida 200 gram / baung 1.555 kg), Muhammad Zubir (rohu 4.105 kg), Rusman Latif patin (5.020 kg), Ahmad Fauzi Hamidun (keli 480 gram), Zaidi Sariman (ketutu 625 gram) Mohd Faudzi Abdul Rahman (haruan 290 gram), Nazri Simoh (tilapia hitam 790 gram), Nor Azlan Husin (lampam 1.275 kg), Azman Hassan (lee koh 2.225 kg) dan Mohd Amiza Awaludin (udang galah 150 gram).

Pemenang kedua setiap spesies menerima hadiah berupa hamper dan cenderahati sumbangan UPM. Menurut ketua pengurus projek Juara Joran 2001, En. Rozihan Mohamed, penyertaan dari peserta agak membanggakan walaupun ini

merupakan kali pertama Kelab Sosial dan Kebajikan Institut Biosains (KESIB) UPM menganjurkan pertandingan memancing.

“Jika cuaca baik, mungkin penyertaan lebih menggalakkan. Pihak kami juga amat berbangga dengan kehadiran peserta yang sanggup datang jauh dari Lembah Klang untuk sama-sama menyertai pertandingan ini,” katanya.

Pada hari yang sama, telah berlangsung pertandingan memancing untuk kanak-kanak dimana lebih 50 peserta bertanding untuk kategori ikan terbanyak. Pemenang ialah Mohd Azman dengan memperolehi 4 ekor ikan, Mohd Faiz Ezwan (4), Mohd Azizi Abd Aziz (3), Mohd Fuad (3) dan Mohd Zulkhairi (3).

Gelagat lucu guru Sekolah Sri Kuala Lumpur, Yeong Siong Sin yang terjatuh ke dalam kolam sewaktu bertarung dengan ikan telah berjaya memikat hati juri untuk memilihnya sebagai Peserta Paling Malang sekaligus meraih hadiah misteri bagi Kategori Dewasa. Manakala bagi Kategori Kanak-kanak, hadiah misteri dimenangi oleh Ahmad Farhan Ahmad Razei kerana berjaya memancing kijing.

Selain hadiah yang dipertandingkan, sebanyak 10 hamper diberikan kepada peserta dalam acara cabutan bertuah yang diadakan sewaktu penyampaian hadiah.

Hadiyah-hadiyah disampaikan oleh Pengarah Taman Penyelidikan Universiti, UPM, Prof. Dr. Jinap Selamat yang menwakili Naib Canselor UPM, Dato' Prof. Dr. Ir. Mohd. Zohadie Bardaie, Ketua Pusat Produk Semulajadi dan Analitikal, Prof. Dr. Md. Nordin Lajis dan juga Ketua Pusat Teknologi Sumber Akuitik, Dr Che Roos Saad.

Hamper-hamper diterima oleh Maggi, F.A. Premier Auto Land, Ryan Enterprise, Jejak Juta Enterprise, Carecool Enterprise, Minolta Marketing, Yuszam Enterprise, Straits Scientific Sdn. Bhd., Lab Companion, Amersham Pharmacis Biotech, Sci-Med Technologies, May Enterprise dan Siti Tex.

Syabas & Tahniyah

Kepada Naib Canselor UPM di atas Ucapan Perdana yang sangat Jitu dan Berwawasan

Dari

Ahli Jawatankuasa Penerbitan Tribun Putra